



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**29 SEPTEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,000 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 196,980 kes. Sebanyak 22 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lapan (8) kes di Sandakan, tiga (3) kes di Kunak, dua (2) kes di Kota Belud, Putatan dan Tawau manakala masing-masing satu (1) kes di Semporna, Kota Kinabalu, Tambunan, Lahad Datu dan Kalabakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,273 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 177,363 orang. Manakala 3,233 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,234 orang di hospital, 1,951 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 40 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 139 orang merangkumi 124 di ICU/repurposed kritikal care serta 15 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 51 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- Jumlah kes di Sabah kembali ke empat (4) angka hari ini dengan (1,000) kes. Ini merupakan peningkatan (+35) kes.

- b. Sehingga kini, kes harian tertinggi yang pernah direkodkan di Negeri Sabah adalah sebanyak (3,487) kes yang dicatatkan pada 26 Ogos 2021.
- c. Terdapat 14 daerah yang merekodkan peningkatan kes dengan kumulatif peningkatan (+204) kes, manakala 13 daerah lagi mencatatkan penurunan kes dengan kumulatif penurunan (-169) kes.
- d. Bagi kawasan bandar utama pula, Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan kes apabila merekodkan 114 (+19) kes. Angka kes bagi bandar-bandar lain ialah Penampang 58 (+39) kes, Sandakan 96 (+32) kes, Kudat 29 (+8) kes, Semporna 12 (+1) kes, Lahad Datu 49 (-47) kes, Putatan 17 (-10) kes dan Tawau 31 (-9) kes.
- e. Daerah lain yang merekodkan peningkatan ketara pada hari ini ialah Papar 52 (+26) kes, Kota Belud 59 (+23) kes, Tenom 34 (+12) kes, Kunak 18 (+12) kes, Ranau 99 (+11) kes dan Beaufort 29 (+10) kes.
- f. Manakala daerah yang merekodkan penurunan ketara pula ialah Kota Marudu 70 (-35) kes, Tuaran 51 (-14) kes, Telupid 4 (-13) kes dan Sipitang 13 (-10) kes.
- g. Kluster baru yang didaftar di Ranau hari ini mencatatkan (43) kes positif baharu. Kluster komuniti ini berpunca daripada kehadiran ke upacara penghormatan orang meninggal dunia. Lebih daripada 60% penduduk kampung hadir di acara tersebut dan setakat ini (94) kes telah dikesan positif dan dijangka akan bertambah apabila keputusan saringan diketahui sepenuhnya.
- h. Kurang daripada 3% kes tertunggak yang melebihi 4 hari didaftarkan hari ini menandakan terdapat peningkatan dalam urustadbir data. Daripada (1,000) kes yang didaftar hari ini, (326) kes atau 32.6% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (24) kes atau 2.40% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan lima (5) kes atau 0.50% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui. Terdapat (15) kes melibatkan OKT atau Banduan yang direkodkan hari ini.
- i. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (551) kes atau 55.1%, Saringan Bergejala (349) kes atau 34.9%, (24) kes atau 2.4% daripada Saringan Kluster, satu (1) kes atau 0.1% dari Saringan Bersasar dan (75) kes atau 7.5% melalui Saringan Lain-lain.

- j. Daripada (1,000) kes yang berdaftar hari ini, (232) kes atau 23.2% adalah pesakit dalam Kategori 1, (715) kes atau 71.5% dalam Kategori 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5. (39) kes masih dalam siasatan. 95.3% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- k. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (551) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	24	2.4%
2	Bergejala	349	34.9%
3	Kontak	551	55.1%
4	Bersasar	1	0.1%
5	Lain-lain	75	7.5%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,000</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (28 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 28/09/2021	Catatan Kes 29/09/2021	Perbandingan
1	Penampang	19	58	+39
2	Sandakan	64	96	+32
3	Papar	26	52	+26
4	Kota Belud	36	59	+23
5	Kota Kinabalu	95	114	+19
6	Tenom	22	34	+12
7	Kunak	6	18	+12
8	Ranau	88	99	+11
9	Beaufort	19	29	+10
10	Kudat	21	29	+8
11	Tambunan	11	17	+6
12	Kinabatangan	15	18	+3
13	Kuala Penyu	5	7	+2
14	Semporna	11	12	+1
15	Lahad Datu	96	49	-47
16	Kota Marudu	105	70	-35
17	Tuaran	65	51	-14
18	Telupid	17	4	-13
19	Sipitang	23	13	-10
20	Putatan	27	17	-10
21	Nabawan	29	20	-9
22	Tawau	40	31	-9
23	Pitas	36	29	-7
24	Keningau	72	66	-6
25	Tongod	5	0	-5
26	Kalabakan	2	0	-2
27	Beluran	10	8	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>965</b>	<b>1,000</b>	<b>+35</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (15 – 28 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Marudu	0	35	34	0	1	70	977
Lahad Datu	0	17	28	0	4	49	1,350
Kota Kinabalu	0	72	26	0	16	114	2,394
Ranau	24	57	14	0	4	99	943
Keningau	0	47	17	0	2	66	1,041
Tuaran	0	28	16	0	7	51	1,038
Sandakan	0	56	32	0	8	96	1,397
Tawau	0	10	20	0	1	31	732
Kota Belud	0	37	18	0	4	59	857
Pitas	0	13	8	1	7	29	630
Nabawan	0	8	7	0	5	20	401
Putatan	0	6	11	0	0	17	628
Papar	0	30	22	0	0	52	727
Sipitang	0	10	3	0	0	13	138
Tenom	0	15	19	0	0	34	356
Kudat	0	10	16	0	3	29	354
Penampang	0	33	22	0	3	58	795
Beaufort	0	18	8	0	3	29	208
Telupid	0	2	2	0	0	4	300
Kinabatangan	0	17	1	0	0	18	635
Semporna	0	0	7	0	5	12	148
Tambunan	0	12	4	0	1	17	199
Beluran	0	4	4	0	0	8	441
Kunak	0	7	10	0	1	18	214
Tongod	0	0	0	0	0	0	232
Kuala Penyu	0	7	0	0	0	7	60
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	140
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>551</b>	<b>349</b>	<b>1</b>	<b>75</b>	<b>1,000</b>	<b>17,335</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Mokodou	24
	<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Mokodou - Ranau** diklasifikasikan sebagai kluster komuniti. Kes indeks merupakan warga emas lelaki, 65, yang dikesan positif hasil saringan bergejala (RTK AG positif dengan grading 97%) di Hospital Ranau pada 25 September 2021. Siasatan awal mendapati, isteri kepada kes indeks telah meninggal dunia di rumah mereka di Kg Mokodou kerana penyakit kanser usus tahap 4 pada 15 September 2021. Upacara penghormatan terakhir kepada arwah telah dijalankan di rumah kes indeks yang dihadiri oleh hampir 60% penduduk Kg Mokodou serta kaum keluarga daripada Kg Tumbalang. Saringan kontak rapat telah dilakukan pada 27 dan 28 September 2021 dan mengesan pertambahan bilangan kes positif di Mukim Malinsau dan Mukim Timbu dalam kalangan ahli keluarga dan kenalan yang menghadiri majlis pengebumian di Kg Tumbalang. Daripada 146 orang yang disaring, 94 orang didapati positif termasuk 43 kes baharu yang dilaporkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,179 unit

- Hospital 1,972 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,507 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 45.03%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 29 SEPTEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	982
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	15
<b>Jumlah</b>	<b>1,000</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
WP Kuala Lumpur	1
Perak	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	953
Bukan Malaysia	47
<b>Jumlah</b>	<b>1,000</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	177
Belum Menerima Vaksin	267
Menerima 1 Dos	102
Lengkap 2 Dos	454
<b>Jumlah</b>	<b>1,000</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	82
6 to 11	87
12 to 17	82
18 to 25	133
26 to 59	501
>60	107
<b>Jumlah</b>	<b>1,000</b>

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 29 September 2021)
1	Ranau	3
2	Kota Belud	2
3	Kota Marudu	2
4	Telupid	2
5	Beluran	1
6	Keningau	1
7	Kudat	1
8	Papar	1
9	Tambunan	1
10	Tawau	1
JUMLAH		15

## D CONTOH KAD VAKSINASI COVID-19/KAD PERINGATAN VAKSIN

Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 28 September 2021 berkenaan kebenaran masuk ke mana-mana premis dirujuk semula dengan tambahan contoh Kad Vaksinasi COVID-19/Kad Peringatan Vaksin seperti di **Lampiran A**.

## E WAKTU OPERASI PERNIAGAAN BERKUATKUASA 1 OKTOBER 2021

- 1 Kedai runcit, kedai serbaneka (convenience store), pasaraya mini (mini market) dan pasaraya (hypermarket) **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- 2 Kompleks membeli belah (hanya sub sektor yang telah dibenarkan beroperasi) **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- 3 Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

- 4 Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (food truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredor, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam

## F ISU PEMATUHAN SOP DAN UJIAN KENDIRI

Orang ramai diingatkan untuk terus mematuhi SOP dan mengamalkan penjarakan sosial ketika dalam pandemik COVID-19. Dalam pada itu, individu yang bergejala, berisiko atau merupakan kontak rapat perlu menjalani saringan terutama bagi individu yang mempunyai ahli keluarga yang berisiko seperti warga emas, penyakit kronik dan komorbiditi serta kanak-kanak di bawah 12 tahun yang belum layak vaksin. Langkah-langkah ini amat perlu bagi membendung penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

## G PENGECUALIAN SYARAT LENGKAP VAKSIN ASTRAZENECA BAGI MEMASUKI PREMIS PERNIAGAAN

Ketetapan bahawa individu yang menerima dos pertama vaksin AstraZeneca boleh membuat permohonan pengecualian syarat lengkap vaksinasi bagi memasuki premis (untuk bekerja dan sebagainya), majikan boleh memohon pengecualian sementara kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyenaraikan nama kakitangan mereka yang terlibat, tarikh pengambilan dos pertama dan jadual tarikh pengambilan dos kedua.

## H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 September 2021 adalah seramai 2,279,823 orang. Ini meliputi 2,032,832 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 73.7% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,761,663 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,761,448 orang atau 63.9% adalah penduduk dewasa.

## I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **610,637** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 65 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,066 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 30 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 16 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 12 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 111 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,024 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 231 premis perniagaan dan 257 individu di 18 kawasan. Sembilan (9) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Demi Cerah Construction Sdn. Bhd. (2 Orang), Borneo Nabalu Builders Sdn. Bhd., Kolam Centre (2 Orang) dan Rainfield Pets House, Taman Luyang, Jalan Kolam (1 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Agensi Pekerjaan Mercu Jaya Sdn. Bhd., Kolam Centre (2 Orang), di Yu Hing Coffee Shop, Hilltop (1 Orang) dan Hilltop Restaurant (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pekerja tidak memakai pelitup muka di Tan Arthur Bonne & Partner, Hilltop.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 237 Premis Perniagaan melibatkan 89 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 26 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 79 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 181 hebahan di seluruh Sabah.

## K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	97.5%
2	Beluran	97.5%
3	Keningau	97%
4	Semporna	97%
5	Kunak	97%
6	Tawau	97%
7	Kota Belud	97%
8	Kinabatangan	97%
9	Penampang	97%
10	Sipitang	96.5%
11	Beaufort	96.5%
12	Kota Marudu	96.5%
13	Tenom	96%
14	Tuaran	96%
15	Lahad Datu	96%
16	Sandakan	96%
17	Ranau	96%
18	Kudat	96%
19	Papar	96%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

## LAMPIRAN A

	
	
	